



جياتن كحاكيمان شرعية هليسيا
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM)

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JKSM/100-24/5
Takwim : 6 Zulkaedah 1421
Tarikh : 31 Januari 2001

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri

Arahan Amalan No. 7 Tahun 2000

Kehadiran Wakil Bagi Pihak Peguam Syarie
Pada Hari Sebutan Kes

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil.1/2000 pada 11 Mei 2000 di Kota Bharu Kelantan dan keputusan Mesyuarat Ketua-ketua Hakim Syarie kali ke 16 pada 26 Jun 2000 bersamaan 26 Rabiulawal 1421 di Kota Kinabalu Sabah telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerimapakai arahan berhubung ketidakhadiran Peguam Syarie yang bertindak bagi pihak anakguamnya dalam sesuatu kes pada hari sebutan. Sebaliknya Peguam Syarie yang lain hadir menyebut kes tersebut bagi pihaknya. Mulai dari 1 Mac 2001, hanya Peguam Syarie yang diberikan *Wakalah Perlantikan Peguam* dalam kes tersebut boleh hadir untuk menjalankan apa-apa prosiding kes di Mahkamah.

(Dato' Sheikh Ghazali Bin Hj. Ab. Rahman)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Kuala Lumpur
18 Disember 2000.